

**Tarikh Dibaca: 22 April 2016**

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“HARGAI NYAWA, BERADABLAH DI  
JALANRAYA”***

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "HARGAI NYAWA, BERADABLAH DI JALANRAYA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِكُمْ إِلَى الْتَّلْكَةِ  
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

190

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْ صِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan



menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita berbahagia di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari ini membincangkan khutbah bertajuk: "**HARGAI NYAWA, BERADABLAH DI JALANRAYA**".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Nyawa adalah tanda hidupnya manusia. Selagi seseorang itu masih bernyawa maka selagi itulah ia berpeluang meneruskan kehidupan di dunia ini. Tetapi apabila nyawa telah tiada lagi maka berakhirlah episod kehidupan manusia. Memberi nyawa dan mencabut nyawa adalah hak mutlak Allah SWT yang tiada sesiapapun boleh mempertikaikannya. Lantaran itu Allah SWT boleh memendekkan umur seseorang dengan kehendak-Nya dan dengan kuasa-Nya jugalah ia boleh memanjangkan umur seseorang.

Firman Allah SWT dalam surah al- Nahl ayat 70:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّنِكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرْدَى إِلَى أَرَذَلِ  
الْعُمُرِ لَكَ لَا يَعْلَمُ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ

"Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian ia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua bersifat kebudak-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa".

**Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,**



Kita hendaklah bersyukur kepada Allah SWT kerana menghidupkan kita melalui nyawa yang diberikannya dan dengan nyawa itulah kita dapat menikmati indahnya kehidupan, menikmati keindahan alam, merasai sedapnya makanan dan menggunakan segala nikmat kurniaan Allah SWT kepada kita. Apabila nyawa telah terpisah daripada badan semua itu tidak berguna lagi. Oleh yang demikian, kita wajib menghargai nyawa sendiri atau nyawa orang lain. Menghargai nyawa bermaksud memelihara dan menjaganya dengan sebaik mungkin dengan mengelakkan diri daripada terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perbuatan atau tindakan yang boleh menghilangkan nyawa atau dengan kata lain menyebabkan kematian.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Berdasarkan laporan Jabatan Keselamatan Jalan Raya ketika ini bahawa salah satu punca kematian adalah akibat kemalangan jalan raya. Menurut laporan ini bahawa lebih daripada 6 ribu orang mati akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2015 dengan purata 18 kematian sehari atau 1 kematian setiap 1 jam 20 minit. Kajian oleh Kementerian Kesihatan, kemalangan jalan raya adalah punca keempat kematian di negara kita, dan sekiranya tidak dibendung, kemalangan jalan raya boleh menjadi punca utama kematian menjelang tahun 2020. Pada tahun 2015, sebanyak 6,706 kematian akibat kemalangan jalanraya, yang mana 4,203 kematian melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia bahawa 30% daripada kematian yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal ialah golongan berumur 16 ke 25 tahun yang berbangsa Melayu, dan daripada jumlah tersebut 40% daripadanya tidak mempunyai lesen memandu.



Mimbar ingin menegaskan bahawa perbuatan-perbuatan yang menimbulkan mudharat dan berisiko tinggi yang boleh membawa kepada kematian seperti menunggang motosikal secara merbahaya, tidak mematuhi peraturan dan adab-adab di jalanraya serta tidak memiliki lesen memandu adalah tindakan-tindakan yang tidak menghargai nyawa sedangkan Allah SWT memerintahkan kita supaya memelihara nyawa dan tidak menjerumuskan diri kepada kebinasaan sepetimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 195;

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّحْكِمَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

تُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

١٩٥

"...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Jalanraya merupakan satu kemudahan awam yang menjadi penghubung kepada kita dari satu tempat ke satu tempat samada dari bandar ke desa atau sebaliknya. Ianya bukanlah tempat untuk kita menunjukkan kehebatan atau keberanian ketika memandu kenderaan, bahkan menjadi tanggungjawab kita semua sebagai pengguna supaya dapat menjaga dan memelihara kemudahan ini serta menjadikannya sebagai satu medan yang selamat dan bukannya sebagai punca kecelakaan. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa punca utama kemalangan jalanraya di negara ini adalah disebabkan perilaku dan sikap pengguna itu sendiri yang



menyebabkan kerugian harta benda, kecederaan, kecacatan anggota badan, bahkan boleh membawa kepada kematian.

Terdapat juga beberapa faktor yang menjadi punca utama kemalangan sehingga kehilangan nyawa iaitu;

1. Faktor sikap manusia, seperti memandu dalam keadaan mengantuk dan kurang tumpuan, kurang berhati-hati ketika memandu dalam cuaca buruk, memandu melebihi had laju, menggunakan telefon bimbit serta berlumba secara haram terutamanya penunggang motosikal.
2. Faktor mekanikal kenderaan yang tidak diselenggara dengan baik untuk memastikan keselamatannya di jalan raya.
3. Faktor keadaan jalanraya yang berlopak dan merbahaya kepada pengguna.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Oleh yang demikian, pengguna-pengguna jalanraya hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti mematuhi had laju, memakai tali pinggang dan topi keledar, mematuhi lampu isyarat, menghormati pemandu-pemandu lain, tidak mementingkan diri sendiri dan lain-lain. Semua hal tersebut adalah tanggungjawab kita sebagai pengguna jalanraya supaya tidak membahayakan diri sendiri dan orang lain.

Hadis daripada Abu Said al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ

*"Tidak boleh ada bahaya dan tidak boleh membahayakan orang lain".*



(Riwayat Ibnu Majah).

### Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar menyeru kepada para Jemaah dan umat Islam sekalian, marilah;

1. Sama-sama kita menghargai nyawa yang diberikan oleh Allah SWT dengan mengelak diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan dan memudratkan kehidupan.
2. Beradab dan bersopanlah ketika berada di jalan raya dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan jalanraya.
3. Janganlah mementingkan diri sendiri ketika menggunakan jalanraya bahkan hendaklah menghormati dan bertolak ansur terhadap pengguna yang lain.
4. Pengguna-pengguna jalanraya dinasihatkan agar sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT ketika memulakan perjalanan dengan berkenderaan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
لِتَسْتَوِدُ عَلَىٰ ظُهُورِهِ ثُمَّ تَذَكُّرُوا بِنِعْمَةِ رَبِّكُمْ إِذَا  
آسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحَانَ اللَّهِيْ سَخَرَ لَنَا هَذَا وَمَا  
كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِّبُونَ



"Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya, serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan: "Maha suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang Kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali!".

(Surah az-Zukhruf: 13&14).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالدِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،  
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَى عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَّاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا عَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.